

# CIRI-CIRI PERSEKUTUAN TANAH MELAYU 1948



## Pentadbiran

- Singapura kekal sebagai tanah jajahan British yang berasingan.
- Persekutuan dibentuk menerusi gabungan sembilan buah negeri Melayu dan dua buah Negeri-negeri Selat.
- Kerajaan Persekutuan diketuai Pesuruhjaya Tinggi British yang mempunyai kuasa eksekutif.
- Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Perundangan Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British.
- Majlis Mesyuarat Persekutuan mengandungi ahli rasmi dan ahli tidak rasmi. Pada peringkat permulaan, ahli tidak rasmi dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi.
- Ahli Majlis Perundangan Persekutuan terdiri daripada pelbagai kaum.

## Kuasa Raja-raja Melayu



- Majlis Raja-Raja dibentuk untuk membolehkan Raja-raja Melayu memberikan pandangan dalam perkara tertentu.
- Bagi peringkat negeri, Sultan bertanggungjawab mengesahkan rang undang-undang yang diluluskan dalam Dewan Perundangan Negeri.

## Perundangan



- Majlis Perundangan Persekutuan diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi.
- Bidang kuasa mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman, perdagangan, komunikasi dan percukaian.
- Rang undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu melalui Majlis Raja-raja.

## Kewarganegaraan

### Secara Kuat Kuasa Undang-undang

- Jus soli hanya terbuka kepada rakyat Raja dan rakyat British.
- Pemohon yang lahir di luar negeri ayahnya mestilah rakyat Raja dan rakyat British.
- Penduduk asal dari negeri Melayu yang lahir sebelum, semasa atau selepas tarikh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu.
- Rakyat Raja dan mereka yang telah serasi, memahami adat resam dan bertutur bahasa setempat boleh memohon melalui mana-mana undang-undang yang dikuatkuasakan.
- Rakyat Raja ialah orang Melayu dan Orang Asli yang lahir dan tinggal di negeri Melayu yang mempunyai sultan.
- Rakyat British ialah mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

### Secara Pendaftaran

- Mereka yang dilahirkan dalam Persekutuan Tanah Melayu dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun dari hari permohonannya.
- Seseorang itu juga perlu mempunyai tingkah laku yang baik, tiada rekod jenayah, menguasai bahasa Melayu dan bahasa Inggeris serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.